



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM


PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam**

**MERINYU PEMASANGAN (C.2 EB.3)
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**MERINYU PEMASANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI
C.2 EB.3 (\$1,450 -\$2,270 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC)* atau sebanding dalam bidang Elektrikal / Elektronik atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Elektrik dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.

2. Berpengalaman dan berkeupayaan dalam kerja-kerja menyelia, memeriksa dan menguji alat-alat kelengkapan elektrik yang dipasang dan peraturan-peraturan pendawaian *IEE* atau aspek keselamatan atau yang berkenaan adalah kelebihan.
3. Mempunyai Lesen Memandu Kelas 3 yang sah (tidak mansuh).

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membantu Ketua Pembantu Teknik dalam mentadbir dan menguruskan Pemeliharaan Voltan Rendah;
2. Menghadiri aduan-aduan yang diterima oleh Pusat Operasi Jabatan Perkhidmatan Elektrik;
3. Membaik pulih semua kerosakan yang melibatkan bekalan voltan rendah;



4. Memberi bekalan sementara kepada pemasangan sementara atas permintaan;
5. Membantu membuat pemotongan bekalan elektrik atas permohonan.
6. Menyelaras kerosakan kabel oleh pemborong / Jabatan Kerajaan;
7. Bersiap sedia di majlis-majlis tertentu terutama semasa Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia;
8. Membuat pengujian ke atas pendawaian pelanggan;
9. Memberi laporan bagi permohonan bekalan elektrik yang memerlukan kerja-kerja penambahan kawat atas voltan rendah ataupun *Mini Feeder Pillar*; dan
10. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.